



## SIARAN MEDIA

### KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS DAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2023 KINI DI SARAWAK DENGAN HAMPIR 3,000 PELUANG PEKERJAAN DI SAMPING PROMOSI SKSSR

**MIRI, SARAWAK** – Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023 tiba di Sarawak minggu ini dengan **2,889 peluang pekerjaan** bagi pelbagai peringkat jawatan.

Program anjuran **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** menerusi **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak ini telah menarik minat **29 majikan** dari pelbagai industri termasuk sektor minyak dan gas, pembuatan, perhotelan, perkhidmatan, F&B serta penginapan dan perkhidmatan makanan.

Antara majikan yang menyertai karnival dua hari ini adalah Malaysia Automotive Robotics And IoT Institute (MARii), Sarawak Oil Palms Berhad, MASWings Sdn Bhd, Shell Malaysia, Schlumberger (WTA) Sdn Bhd, Longi Malaysia Sdn Bhd, Ground Team Red Sdn Bhd, Pullman Hotel Miri Waterfront, Wehaya Sdn Bhd, Petra Marine Sdn Bhd dan OM Material Sarawak Sdn Bhd.

**Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Negeri Sarawak 2023**, yang diadakan di Dewan Suarah Miri pada **13 dan 14 Mei**, juga memberi peluang kepada para pengunjung untuk lebih memahami tentang **Skim Keselamatan Sosial Rumah (SKSSR)** dan seterusnya, mendaftar dan mencarum dengan skim ini.

Karnival ini menyediakan ruang dan peluang untuk penduduk Sarawak menghadiri temu duga terbuka oleh bakal-bakal majikan dengan bantuan Perkhidmatan

Pekerjaan PERKESO agar mereka lebih bersedia dari segi pemilihan jawatan yang sesuai, resume yang lebih profesional, keyakinan diri dan cara menangani temu duga kerja.

Pemilihan lokasi yang strategik iaitu di Miri memberi akses kepada pencari kerja dari kawasan pedalaman utara Sarawak untuk menghadiri Karnival Kerjaya ini termasuklah dari bahagian Limbang, Lawas, Baram, Marudi dan sekitarnya. Ini membantu mereka menjimatkan kos perjalanan dan masa untuk menghadiri temu duga di karnival ini.

Selain daripada sesi temu duga terbuka, turut disediakan adalah Kaunter Kaunseling Kerjaya yang menyediakan pelbagai perkhidmatan buat pencari kerja di karnival ini, seperti bantuan penyediaan resume, khidmat nasihat serta bimbingan kerjaya. Selain itu, terdapat ruang khas untuk pencari kerja mendaftar di **Portal Pekerjaan Negara, MYFutureJobs** yang berfungsi memadankan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan dan kompetensi pencari kerja.

Majikan yang mengambil pekerja baharu melalui karnival ini juga berpeluang memohon insentif kewangan melalui **Program Daya Kerjaya** di bawah **Insentif Kerjaya Madani 2023**, iaitu sebahagian daripada inisiatif Belanjawan 2023 yang dilaksanakan PERKESO.

Sejak **Januari 2020 hingga 28 April 2023**, portal MYFutureJobs telah berjaya menempatkan **795,258 pencari kerja** dalam pekerjaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai **37,615 pencari kerja** termasuk **3,744 orang di Miri** berjaya memperoleh pekerjaan di Negeri Sarawak.

Karnival ini juga membawa skim perlindungan terbaru PERKESO iaitu SKSSR lebih dekat kepada komuniti di Sarawak. SKSSR ini menyediakan faedah-faedah di bawah **Perlindungan Bencana Domestik** dan **Perlindungan Keilatan** kepada suri rumah berinsurans sekiranya mereka ditimpa kemalangan, keilatan atau kematian berkaitan aktiviti pengurusan rumah tangga.

Sejak **1 Disember 2022 hingga 2 Mei 2023**, SKSSR melindungi **175,999 orang suri rumah** di seluruh negara, termasuk **43,533 orang suri rumah** di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 757 merupakan suri rumah yang mendaftar dan mencarum secara

sukarela manakala selebihnya (42,776 orang) adalah suri rumah yang caruman mereka dibiayai oleh Kerajaan.

PERKESO menyeru semua individu yang sedang mencari pekerjaan untuk menyertai Karnival Kerjaya dengan mendaftar di [www.myfuturejobs.gov.my/careerfair](http://www.myfuturejobs.gov.my/careerfair) atau layari [www.myfuturejobs.gov](http://www.myfuturejobs.gov) untuk carian pekerjaan secara dalam talian. Bagi majikan yang ingin menawarkan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs, mereka juga boleh layari [www.myfuturejobs.gov](http://www.myfuturejobs.gov). Untuk maklumat berhubung **Insentif Kerjaya Madani 2023**, sila layari [kerjayamadani.perkeso.gov.my](http://kerjayamadani.perkeso.gov.my) dan bagi sebarang maklumat, kunjungi **laman sesawang rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my)** atau hubungi **Careline PERKESO 1-300-22-8000** atau e-mel [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**13 Mei 2023**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon	Hamisah Hamid
+6017-619 3181	+6019-383 3605
<a href="mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my">wazid.zaidon@perkeso.gov.my</a>	<a href="mailto:hamisah.hamid@perkeso.gov.my">hamisah.hamid@perkeso.gov.my</a>